

## KERATAN AKHBAR

JUDUL : Bernama Online

TARIKH : Jumaat, 19 Ogos 2016



AM › BERITA

### Malaysia Bakal Jadi Hos Kongres Persekutuan Perpustakaan Antarabangsa 2018

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Malaysia akan menjadi hos Kongres Persekutuan Perpustakaan dan Institusi Antarabangsa (IFLA) 2018.

Ia diumumkan pada Kongres Perpustakaan dan Maklumat Dunia (WLIC) ke-82 yang sedang berlangsung di Ohio, Amerika Syarikat.

Bidaan menjadi tuan rumah sebelum ini dilakukan Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) dengan sokongan padu Perpustakaan Negara Malaysia, Biro Konvensyen dan Pameran Malaysia (MyCEB), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia serta Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

"WLIC 2018 dijangka menjana pendapatan RM44.4 juta kepada negara dan memaksimumkan potensi pertumbuhan Malaysia sebagai hab pendidikan dan pengetahuan kelas pertama ekonomi dunia.

"Kongres tahunan selama lapan hari itu dijangka menarik lebih 3,000 peserta daripada lebih 100 negara," kata Ketua Pegawai Eksekutif MyCEB, Datuk Zulkefli Sharif dalam satu kenyataan.

-- BERNAMA